



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

SUNAT-SUNAT HAI'AT : JANGAN TINGGALKAN WALAUPUN SUNAT

(BILANGAN 258 BAHAGIAN AKHIR)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Doa Yang Sunat Dibaca Apabila Merasa Takut Ketika Tidur

Apabila merasa takut ketika tidur, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah mengajarkan doa berikut:

Ertinya: *“Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna daripada kemurkaan serta siksaanNya serta kejahatan hambaNya, dan daripada godaan syaitan dan daripada kedatangan mereka kepadaku.”*

Amalan Yang Sunat Dilakukan Apabila Bermimpi Sesuatu Yang Disukai

Imam al-Bukhari *Rahimahullah* meriwayatkan dalam Shahihnya bahawasanya Abu Sa'ed al-Khudri *Radhiallahu 'anhu* telah

berkata bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

Maksudnya: “*Apabila seseorang daripada kamu bermimpi sesuatu yang disukainya maka sesungguhnya ia adalah daripada Allah. Maka hendaklah ia memuji Allah (mengucapkan alhamdulillah) atas hal mimpinya itu dan hendaklah ia menceritakannya.*”

Dalam suatu riwayat yang lain pula disebutkan:

()

Maksudnya: “*Maka janganlah ia menceritakannya (mimpi yang disukainya itu) kecuali kepada orang-orang yang disukainya.*”
(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Amalan Yang Sunat Dilakukan Apabila Bermimpi Sesuatu Yang Tidak Disukai

Abu Qatadah *Radhiallahu 'anhu* menceritakan bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

()

Maksudnya: *“Dan apabila seseorang daripada kamu bermimpi sesuatu yang tidak disukainya maka hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahatannya dan daripada kejahatan syaitan. Dan hendaklah dia meludah tiga kali. Dan janganlah ia menceritakan mimpinya itu kepada sesiapaupun. Sesungguhnya mimpi tersebut tidak akan memudharatkannya.”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Jabir Radhiallahu ‘anhu pula menceritakan bahawasanya Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda:

()

Maksudnya: *“Apabila seseorang daripada kamu bermimpi sesuatu yang tidak disukainya, maka hendaklah dia meludah ke arah kirinya sebanyak tiga kali dan hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah daripada syaitan sebanyak tiga kali, dan hendaklah dia berpindah daripada lambung rusuknya yang sebelum itu.”*

(Hadits riwayat Muslim, Ibnu Majah dan Ahmad)

Zikir Yang Sunat Dibaca Apabila Bangun Daripada Tidur

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab al-Majmu‘, sunat membaca zikir berikut apabila bangun daripada tidur.

Ertinya: *“Segala puji hanya bagi Allah yang menghidupkan kami selepas mematikan kami, dan kepadaNya lah dibangkitkan (segala makhluk).”*

Jika terjaga dan ingin tidur semula, disunatkan juga untuk berzikir sehingga tertidur semula. Antara zikir yang sunat dibaca sepertimana yang disebutkan dalam kitab al-Adzkar ialah:

Ertinya: *“Tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagiNya. BagiNya segala kekuasaan dan bagiNya segala pujian. Dialah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Dialah yang Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Segala puji hanya bagi Allah, dan Maha Suci Allah, dan tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Allah Maha Besar, dan tidak ada daya dan upaya melainkan dengan (kekuasaan) Allah.”*

Barangsiapa membaca doa di atas lalu dia memohon ampun kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau berdoa dengan doa-doa yang lain nescaya dia akan diampunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan doanya itu pula akan dikabulkan. Jika dia berwudhu pula lalu mendirikan sembahyang maka sembahyangnya itu akan diterima.

Ini berdasarkan sebuah hadits yang diriwayatkan oleh ‘Ubadah bin ash-Shamit *Radhiallahu ‘anhu*, bahawasanya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah bersabda:

()

Maksudnya: “Barangsiapa yang terjaga pada malam hari lalu dia mengucapkan (ertinya): Tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagiNya. BagiNya segala kekuasaan dan bagiNya segala pujian. Dialah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Dialah yang Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Segala puji hanya bagi Allah, dan Maha Suci Allah, dan tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Allah Maha Besar, dan tidak ada daya dan upaya melainkan dengan (kekuasaan) Allah. Kemudian dia membaca (ertinya): Ya Allah, ampunilah aku, ataupun dia berdoa (dengan doa yang lain), nescaya akan diperkenankan baginya (keampunan dan doanya itu). Jika dia berwudhu (lalu sembahyang) nescaya sembahyangnya itu akan diterima.”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Sayyidatuna ‘Aishah *Radhiallahu ‘anha* pula menceritakan bahawasanya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* apabila terjaga daripada tidur pada malam hari, Baginda akan membaca:

Ertinya: “Tiada Tuhan melainkan Engkau. Maha Suci Engkau Ya Allah, aku memohon ampun kepadaMu atas dosaku, dan aku memohon kepadaMu rahmatMu. Ya Allah, tambahkanlah ilmuku, dan janganlah Engkau palingkan hatiku sesudah Engkau memberikan petunjuk kepadaku. Dan kurniakanlah rahmat daripada sisiMu. Sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah PemberianNya.”

Penutup

Sebagai mensyukuri nikmat tidur kurniaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ini, maka janganlah ia sunyi daripada zikir-zikir, kerana ia merupakan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* serta bukti penghambaan dan penyerahan diri seorang hamba terhadap Tuhannya. Dengan berzikir juga, seseorang itu akan mendapat keberkatan serta perlindungan yang berterusan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sepanjang tidurnya. Mudah-mudahan juga dengan berkat zikir, seseorang itu akan sentiasa diingati oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa mengingati hambaNya yang sentiasa mengingatiNya.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فَاذْكُرُونِي أَذْكَرْكُمْ وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

(152 :)

Tafsirnya: “Oleh itu, berzikirlah (ingatlah) kamu kepada Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu sekalian; dan bersyukurlah kamu kepada Aku dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu)”

(Surah al-Baqarah: 152)